

# Anggota SISPA UMSKAL jayakan Teambuilding Jabatan Kebajikan Masyarakat

UB 9.10.2015 BT

LABUAN: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Wilayah Persekutuan Labuan telah melaksanakan Program Teambuilding Sukarelawan 'We Love, We Care, We Volunteers, We Share' bersama 75 siswa-siswi Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (SISPA UMSKAL) di pantai UMS berhadapan Menara UMSKAL di Jalan Sungai Pagar, baru-baru ini.

Program sehari itu bertujuan merapatkan ukhwah di antara sukarelawan di Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan SISPA UMSKAL

berlandaskan dua objektif utama iaitu membentuk diri menjadi ahli sukarelawan yang cemerlang dan membina sikap kerjasama berkumpulan, semangat setiakawan dan sikap toleransi.

Mejar Bersekutu (PA) Profesor Madya Dr Norazah Mohd Suki yang juga fasilitator program di samping fasilitator yang dilantik dari JPAM Wilayah Persekutuan Labuan mengendalikan program berkenaan.

Antara aktiviti yang telah dijalankan termasuk 'ice-breaking' dan 'movement therapy' yang dilakukan di



ISHAK (lima kiri) menyampaikan hadiah johan pertandingan explorace sambil diperhatikan Norazah (lima kanan).



PEMENANG kedua aktiviti explorace.



PESERTA teambuilding tekun mendengar ucapan Pengarah JKM Labuan.

sebelah pagi, manakala aktiviti 'explorace' dilaksanakan di sebelah petang.

Secara spesifiknya, aktiviti explorace telah memberikan ruang kepada peserta program berkumpul yang aktif, kreatif, pantas dan cemerlang dalam menyelesaikan masalah untuk membawa pulang hadiah bagi tempat pertama, kedua

dan ketiga.

Di akhir program pada jam 5 petang, kesemua peserta menerima cenderamata dan sijil penghargaan daripada Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Labuan Ishak Aku Abd Rahman yang disaksikan oleh Norazah.

Dalam ucapan penutupannya, Ishak mengucapkan ribuan terima kasih kepada peserta program iaitu SISPA UMSKAL di atas kerjasama penuh dalam menjayakan aktiviti yang telah dirancang. "JKM berharap akan mendapat kerjasama penuh daripada SISPA UMSKAL sekali lagi untuk mengadakan aktiviti sukarelawan pada masa akan datang bagi keharmonian masyarakat setempat di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Sementara itu, Norazah yakin melalui program sumpama itu, anggota SISPA mendapat pengetahuan dan pengalaman tambahan sekaligus memberikan keyakinan kepada mereka menjalankan aktiviti yang berkaitan kes-

elamatan.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada JKM Labuan yang sudi bekerjasama menjayakan program yang memberi banyak manfaat kepada siswa-siswi UMSKAL khususnya ahli SISPA.


Norazah juga merakamkan ucapan penghargaan kepada pegawai dan anggota JPAM Labuan yang sentiasa mem-

berikan tunjuk ajar kepada SISPA dalam menjalankan program dan aktiviti di UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

"Kita mahu siswa-siswi lebih yakin dalam menjalankan program yang akhirnya membantu mereka berkhidmat kepada masyarakat selepas menamatkan pengajian di UMSKAL kelak," katanya.



SISWA-siswi Pertahanan Awam UMSKAL Semester 2015/2016 di hadapan bangunan UMSKAL.



NORAZAH (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Ishak pada program Teambuilding SISPA UMSKAL.



ISHAK dan Norazah bergambar kenangan bersama peserta teambuilding JKM dan SISPA UMSKAL 2015.



ISHAK dan Norazah bersama pemenang ketiga.